

Malik, Rahayu bertunang

UM 12 OCT 2003

Oleh AZIMI MUSTAPHA

KULIM 11 Okt. — Wira samudera negara, Datuk Abdul Malik Mydin malam ini melangsungkan pertunangan dengan pengurusnya, Rahayu Ahmad, 27 manakala majlis perkahwinan dijadualkan pada 20 Disember ini.

Majlis pertunangan yang berlang-

sung di rumah ibu bapa Rahayu di Taman Seluang di sini, dibuat secara sederhana dan hanya dihadiri oleh keluarga terdekat dan rakan-rakan karib Abdul Malik.

Ketika ditemui *Mingguan Malaysia* selepas majlis pertunangan, Abdul Malik, 28, melahirkan rasa syukur kerana majlis pertunangan berjalan dengan sempurna.

Sementara itu saudara terdekat

Abdul Malik ketika ditemui berkata, Abdul Malik akan menyediakan wang hantaran berjumlah RM11,111.11 manakala mas kahwin pula RM333.33.

Katanya, pihaknya menganggap majlis malam ini sebagai majlis keluarga dan oleh itu tidak ramai dijemput.

■ Lihat muka 4

Malik, Rahayu bertunang

“Lagipun, majlis ini dibuat secara kecil-kecilan sahaja. Pada majlis perkahwinan nanti, Insya-Allah kami akan jemput media untuk membuat liputan,” katanya.

Pada 4 Ogos lalu, Abdul Malik mengharumkan nama Malaysia selepas berjaya melakukan renangan merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer dari Dover, England ke Wishant, Perancis, dalam tempoh 17 jam 30 minit.

Kejayaan wira samudera negara itu sekaligus menjadikannya rakyat Malaysia dan Asia Tenggara yang pertama berjaya melakukan renangan di selat yang penuh cabaran itu, sejak kali pertama dilakukan oleh Kapten Matthew Webb pada tahun 1875.

Kejayaan beliau adalah berkat dorongan kuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan seluruh rakyat Malaysia.

Kerajaan Pulau Pinang telah menganugerahkan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk kepadanya di atas jasa mengharumkan nama negeri dan Malaysia di mata dunia.

Penganugerahan darjah kebesaran itu disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas pada 29 Ogos lepas.